

Headline	Tiada perkhidmatan periksa fius dalam rumah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	66	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,949
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,847



Tiada perkhidmatan periksa fius dalam rumah

Ipoh: “Pegawai atau pekerja kami hanya melakukan pemeriksaan meter di luar rumah dan tidak pernah masuk ke dalam rumah, sama ada untuk memeriksa fius atau sebagainya,” kata Pengerus Besar Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perak, Wan Kamizi Wan Ishak.

Menurutnya, individu mendakwa kakitangan TNB tanpa pakaian seragam atau kenderaan rasmi TNB berkeungkinan besar penjenayah.

Wan Kamizi berkata, kebelakangan ini terdapat banyak aduan berhubung penjenayah menyamar sebagai kakitangan TNB yang mahu membuat pemeriksaan sebelum menyamun mangsa.

“Pihak kami memang ada


mendapat maklumat mengenai kejadian samun menggunakan taktik penyamaran ini. Bagaimanapun, saya ingin menegaskan kepada orang ramai terutama di kawasan luar bandar supaya tidak terpedaya kerana kami sememangnya tiada perkhidmatan pemeriksaan atau pembaikan membabitkan kawasan di dalam rumah pengguna.

“Kerja pemeriksaan atau pembaikan fius elektrik dan pendawaian biasanya dilakukan kontraktor yang diupah pengguna sendiri,” katanya ketika dihubungi di si-

ni, semalam.

Menurutnya, jika ada individu atau kumpulan tertentu memperkenalkan diri sebagai pegawai atau pekerja TNB mahu membuat pemeriksaan, pengguna perlu meminta dokumen pengenalan mereka sebagai kakitangan TNB serta menghubungi pihak kami untuk memastikan kesahihan pemeriksaan itu.

“Bagi tujuan pemeriksaan meter atau sebagainya, pegawai dan pekerja TNB akan memakai pakaian seragam serta mempunyai kad pengenalan sebagai kakita-



WAN Kamizi

ngan kami. Selain itu, mereka juga akan menggunakan kenderaan rasmi TNB.

“Langkah yang paling selamat adalah menghubungi polis dan melaporkan mengenai perkara itu kerana pihak berkuasa lebih mudah untuk memastikan sama ada individu terbabit penjenayah atau sebaliknya,” katanya.